

22 November 2007

Kenyataan Akhbar : Jabatan Laut Semenanjung Malaysia

Kenaikan Tambang Perkhidmatan Feri Ke Langkawi

Kerajaan telah bersetuju untuk meluluskan kenaikan tambang feri penumpang ke Langkawi, Kedah. Kadar kenaikan yang dipersetujui adalah RM5 bagi perjalanan dari Kuala Kedah ke Langkawi manakala RM3 bagi perjalanan dari Kuala Perlis ke Langkawi. Dengan kenaikan ini tambang perjalanan dari Kuala Kedah ke Langkawi ialah RM23 sementara dari Kuala Perlis ke Langkawi ialah RM18. Kadar tambang baru ini berkuatkuasa bermula 1 Disember 2007.

Kenaikan kadar tambang feri tersebut telah dipersetujui setelah mengambil kira kos operasi feri khususnya kenaikan harga minyak disel, kos penyenggaraan dan alat ganti. Kali terakhir tambang feri dinaikkan adalah pada 1 Jun 2005, ketika itu harga minyak disel adalah RM 1.70 seliter berbanding harga minyak disel semasa yang melebihi RM2.20 seliter, iaitu kenaikan hampir 30%. Kementerian Pengangkutan mengambil maklum bahawa pengusaha feri telah lama menanggung kenaikan kos operasi dan ini boleh mendatangkan impak kepada tahap perkhidmatan yang diberi.

Kerajaan juga bersetuju supaya penduduk tempatan Langkawi terus diberi tambang istimewa, iaitu pengurangan RM3 dari tambang biasa. Ini bermakna tambang feri bagi penduduk tempatan ialah RM20 bagi perjalanan sehala dari Kuala Kedah ke Langkawi manakala RM15 bagi perjalanan sehala dari Kuala Perlis ke Langkawi.

Pihak Kementerian Pengangkutan akan sentiasa memantau perkhidmatan feri-feri di Langkawi kerana ianya merupakan kaedah pengangkutan yang penting. Dengan kelulusan kenaikan tambang feri ini, pengusaha feri-feri di Langkawi hendaklah menyediakan perkhidmatan yang lebih baik serta meningkatkan tahap keselesaan penumpang. Pengusaha juga diingatkan untuk sentiasa menentukan feri-feri berada dalam keadaan selamat dan layak belayar.